

LAWATAN KEBAJIKAN TUDM KEPADA KELUARGA ANGGOTA



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/5029-lawatan-kebaikan-tudm-kepada-keluarga-anggota

SUNGAI PETANI, 22 Mei 19 - Pegawai Memerintah Institut Kepimpinan dan Pengurusan (INSKEP), Lt Kol Nurul Amir bin Othman TUDM bersama isteri, Puan Noor Hafiza binti Haji Zainol telah membuat lawatan kebaikan kepada ibu bapa anggota INSKEP, Kpl U Mohd Fitri bin A.Rahman di Kampung Pengkalan Bukit Kechil Sungai Petani, Kedah.



Bapa anggota, Encik A. Rahman bin Khamis mengalami masalah jantung, kencing manis, darah tinggi dan asthma manakala ibu beliau, Puan Zaiton binti Long mengalami masalah sakit lutut yang perlu menggunakan tongkat untuk berjalan dan masalah penglihatan mata. Kami warga INSKEP mendoakan semoga anggota dan ahli keluarga sihat walafiat, cepat sembahuh dan dipermudahkan segala urusan oleh ALLAH SWT.



Turut hadir Ketua Bahagian Tadbir, Mej And Rahim bin Ahmad TUDM bersama isteri, Puan Shahzalina binti Sahlan, Ajutan INSKEP Lt Amira Syahida bin Amir TUDM dan PW U II Mohd Shahril bin Mohd Salleh serta isteri Puan Azfazila binti Abdullah.

